



# SURUHANJAYA KOPERASI MALAYSIA

Tingkat 10-15, 17-19, Sunway Putra Tower  
100 Jalan Putra, 50350 Kuala Lumpur  
Laman Web: www.skm.gov.my



Ruj. Kami : SKM.IP.(UU) 1981/1A (7)  
Tarikh : 27 Jun 2012



Pengerusi

Koperasi Simpanan dan Kredit Bersatu Malaysia Berhad  
Suite 10.03, Level 10, The Gardens South Tower  
Mid Valley City, Lingkaran Syed Putra,  
59200 Kuala Lumpur

Tuan,

## PERMOHONAN KELULUSAN PROSPEKTUS BAGI PELAKSANAAN SKIM 'MAMA SAVINGS AND PAPA FINANCING' KOPERASI SIMPANAN DAN KREDIT BERSATU MALAYSIA BERHAD

Dengan hormatnya saya merujuk kepada perkara di atas

2. Sukacita dimaklumkan bahawa permohonan Koperasi Simpanan dan Kredit Bersatu Malaysia Berhad bagi mendapatkan kelulusan prospektus skim 'Mama Savings and Papa Financing' telah **diluluskan** oleh Suruhanjaya Koperasi Malaysia (Suruhanjaya) tertakluk kepada syarat-syarat berikut:

- 2.1 Individu yang ingin menyertai skim Mama Savings dan Papa Financing ini hendaklah menjadi anggota koperasi sekurang-kurangnya selama 6 bulan, termasuk anggota yang sedia ada;
- 2.2 Koperasi hendaklah mempunyai kumpulan wang anggota (KWA) sekurang-kurangnya sebanyak RM5 juta dan menanggung modal minimum ini tanpa terjejas oleh kerugian pada setiap masa;
- 2.3 Penetapan lbra' bagi penyelesaian awal pembiayaan di dalam skim Papa Financing adalah dengan merujuk kepada *Lampiran 1*;

- 2.4 Penyertaan di dalam skim Mama Savings dan Papa Financing ini hendaklah terbuka kepada semua anggota sepertimana yang diperuntukkan di dalam undang-undang kecil koperasi.;
- 2.5 Pihak koperasi hendaklah memastikan pelaksanaan aktiviti pembiayaan melalui skim Papa Financing mematuhi GP7: Garis Panduan Mengenai Pembiayaan Islam Oleh Koperasi;
- 2.6 Suruhanjaya tidak membenarkan pemberian '*Up Front Proposed Profit Return*' di dalam Skim Mama Savings kecuali pihak koperasi dapat memberi pengesahan secara bertulis oleh mana-mana panel Syariah bahawa konsep pemberian keuntungan secara berkenaan dibenarkan di bawah Syariah;
- 2.7 Kelulusan bagi Skim Mama Savings diberi hanyalah bagi tranches 1 dan tranches 2 sahaja iaitu bagi saiz dana sebanyak RM1 juta dan RM4 juta. Pihak koperasi perlu mendapatkan kelulusan Suruhanjaya untuk melaksanakan tranches seterusnya;
- 2.8 Pihak koperasi perlu memastikan wujudnya suatu pelan kesinambungan perniagaan (*Business Continuity Plan*) dan keperluan keselamatan (*security requirements*) yang mencukupi dan berkesan bagi apa-apa sistem yang digunapakai oleh koperasi bagi pelaksanaan kedua-dua skim berkenaan; dan
- 2.9 Pihak koperasi hendaklah memastikan wujudnya sistem untuk mengenalpasti, menilai, memantau dan mengurus risiko penggubahan wang haram dan pembiayaan keganasan. (*Anti Money Laundering and Terrorism Financing Act*).

3. Suruhanjaya ingin menarik perhatian pihak koperasi bahawa Suruhanjaya mempunyai kuasa untuk meminda apa-apa terma atau syarat yang difikirkan perlu dalam pelaksanaan Skim Mama Savings dan Papa Financing demi kepentingan koperasi.

4. Kelulusan yang diberikan ini tidak akan menghalang Suruhanjaya bagi menjalankan pemeriksaan lanjut ke atas koperasi bagi memastikan aktiviti koperasi selaras dengan peruntukan undang-undang dan kelulusan ini akan ditarik balik jika Suruhanjaya Koperasi Malaysia mendapati Koperasi Simpanan dan Kredit Bersatu Malaysia Berhad menyalah guna kelulusan yang diberi atau melanggar mana-mana peruntukan Akta, peraturan, garis panduan dan syarat-syarat di atas.

Sekian, terima kasih.

**“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”**

**“1 MALAYSIA, RAKYAT DIDAHULUKAN, PENCAPAIAN DIUTAMAKAN”**

Saya yang menurut perintah,



**(HAJI MAT DERIS BIN JUSOH)**  
Ketua Sektor Operasi dan Kawal Selia  
b.p. Pengerusi Eksekutif  
Suruhanjaya Koperasi Malaysia

- s.k. i. Pengerusi Eksekutif, Suruhanjaya Koperasi Malaysia
- ii. Pengarah, Suruhanjaya Koperasi Malaysia Wilayah Persekutuan
- iii. Pengarah Penyeliaan On Site
- iv. Pengarah Bahagian Audit Koperasi

20812577

## Lampiran 1

### Pengiraan Ibra'

1. Secara am, koperasi boleh memberi ibra' sehingga sejumlah amaun baki pembiayaan atau harga jualan ke atas peminjam
2. Walau bagaimanapun, ketika penyelesaian awal pembiayaan dibuat oleh peminjam, koperasi dianggap telah mengambilkira kos baki jualan (jumlah pokok baki pembiayaan) daripada peminjam. Oleh yang demikian, amaun ibra' yang boleh dikenakan oleh koperasi ialah amaun keuntungan terakru (deferred profit) pada masa penyelesaian pembiayaan.

### Formula:

$$\text{Ibra}' = \text{Keuntungan terakru} - \text{caj penyelesaian awal}^*$$

$$\text{Amaun penyelesaian} = \text{Baki Harga Jualan} + \text{Ansuran kena bayar}^{**} - \text{Ibra}'$$

### \* Caj Penyelesaian Awal

- Koperasi tidak dibenarkan mengenakan apa-apa kos penalti kepada peminjam yang ingin membuat penyelesaian awal pembiayaan dalam tempoh masa yang ditetapkan (Amalan ini dikenali sebagai "lock-in-period").
- Kos yang dibenarkan dalam pengiraan caj penyelesaian awal ialah :
  - Kos yang belum diambilkira kerana kontrak pembiayaan mempunyai struktur elemen diskau pada permulaan tempoh pembiayaan; dan
  - Kos permulaan yang belum diambilkira (*eg: for zero moving cost products*).
- Kos yang tidak dibenarkan dalam pengiraan caj penyelesaian awal :
  - Kehilangan keuntungan yang boleh diperoleh sekiranya pembiayaan diteruskan sehingga tempoh masa yang ditetapkan atau tempoh matang; dan
  - Kos pemasaran dan kos-kos lain yang berkaitan bagi mendapatkan pelanggan baharu.

### \*\*Ansuran Kena Bayar

- Merujuk kepada ansuran pada bulan penyelesaian awal pembiayaan itu dibuat, sekiranya ansuran tersebut belum dibayar lagi.